

Penelitian Literatur Terhadap Penerapan Teori Relevans Untuk Menangani Makna Figuratif dalam Karya Sastera Terjemahan Arab-Melayu dan Karya Sastera Melayu

BITARA

Volume 6, Issue 1, 2023: 132-150
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 12 February 2023
Accepted: 28 February 2023
Published: 28 March 2023

[Literature Research on the Application of Relevance Theory to Address Figurative Meaning in Arabic-Malay Translated Literary Works and Malay Literary Works]

Nik Norimah Tuan Mat¹, Noor Eliza Abd Rahman,^{2*} & Azman Che Mat³

1 Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. e-mail: nikanorimah@yahoo.com

2 Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. e-mail: eliza@unisza.edu.my

3 Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Terengganu, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA. Emel: azman531@uitm.edu.my

* Corresponding Author: eliza@unisza.edu.my

Abstrak

Teori relevans sering digunakan bagi menangani bahasa figuratif yang mengandungi konsep dua makna, iaitu makna tersurat dan makna tersirat. Kajian ini akan menghuraikan bahan-bahan yang berkaitan dengan penerapan teori relevans dalam penterjemahan Arab-Melayu dan karya sastera Melayu berdasarkan kajian-kajian lepas bermula 2002 hingga 2022. Pencarian data dilakukan menerusi carian di pangkalan data *Google Scholar* dan *Semantic Scholar*. Data dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti aspek kajian bahasa figuratif serta genre karya sastera yang telah diketengahkan dalam kajian-kajian lepas oleh para sarjana. Kajian ini mendapati teori relevans lebih banyak diterapkan dalam kajian sastera Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan teori relevans sesuai diterapkan bagi menangani makna figuratif dalam karya kesusasteraan.

Kata kunci: penerapan, teori relevans, bahasa figuratif, terjemahan, karya sastera

Abstract

The relevance theory is frequently used to address figurative language that contains the double-meaning concept which has literal and implied meaning. This research will elaborate on materials that are related to the application of the relevance theory in Arabic- Malay translated literary works and Malay literary works that are based on past research from 2002 until 2022. Data searches were done through *Google Scholar* and *Semantic Scholar* databases. The data were analysed descriptively to identify the aspect of figurative language as well as the genre of the literary works that were highlighted in past research by scholars. This research found that the relevance theory is applied more widely in Malay literary studies. The findings show that the relevance theory is suitable to be applied to address figurative meaning in literary works.

Keywords: application, relevance theory, figurative language, translation, literary works

Cite This Article:

Nik Norimah Tuan Mat, Noor Eliza Abd Rahman, & Azman Che Mat. (2023). Penelitian Literatur Terhadap Penerapan Teori Relevans Untuk Menangani Makna Figuratif dalam Karya Sastera Terjemahan Arab-Melayu dan Karya Sastera Melayu [*Literature Research on the Application of Relevance Theory to Address Figurative Meaning in Arabic-Malay Translated Literary Works and Malay Literary Works*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(1): 132-150.

Pengenalan

Teori relevans telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dalam disiplin ilmu komunikasi kognitif. Teori ini kemudiannya dikembangkan oleh Gutt (1991) dengan nama penterjemahan langsung (Muhammad Fauzi 2016: 67). Teori relevans tergolong dalam kategori teori penterjemahan langsung iaitu bersifat setia terhadap teks sumber. Teori ini merupakan gabungan antara pendekatan teori semantik dan komunikatif. Teori semantik ialah teori yang mengutamakan persamaan formal dengan mengekalkan bentuk bahasa sumber dan isi kandungannya. Manakala teori komunikatif pula menitikberatkan kesan atau reaksi yang sepadan (Muhammad Firdaus & Maheram 2015: 199).

Teori relevans mengutamakan kefahaman atau disebut sebagai kerelevanan optimum antara dua pihak iaitu pendengar atau penutur bagi sesuatu ujaran. Dalam konteks teks terjemahan, ia menitikberatkan kerelevanan atau kefahaman antara penulis bahasa sumber dan pembaca bahasa sasaran. Mesej sebenar teks sumber dititikberatkan menerusi pengekalan unsur budaya serta turut menonjolkan kesan, reaksi dan semangat persis teks sumber (Muhammad Firdaus & Maheram 2015: 203).

Teori relevans menekankan aspek pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip relevans. Teori ini mengutamakan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar. Penutur seharusnya dapat menjamin yang diperbual itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Perbualan mestilah mempunyai ciri relevan yang optimal. Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa yang singkat. Konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang tepat (Nor Hashimah 1992: 33).

Teori relevans mengandungi tiga elemen utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses dalam menghujahkan makna sesuatu ujaran. Konteks ialah satu set andaian yang digunakan dalam menginterpretasi maklumat yang diberikan oleh penutur. Menurut Nor Hashimah dalam (Fatin Rabiha & Zaitul Azma 2017: 15), konteks merangkumi seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks meliputi maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir bahkan juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu dan pemikiran penutur. Konteks dapat dijelaskan menerusi ujaran terdahulu, melalui alam persekitaran dan melalui catatan ensiklopedia yang tersimpan dalam memori seseorang yang dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran.

Kesan konteks pula menurut Sperber & Wilson dalam (Fatin Rabiha & Zaitul Azma 2017: 15) ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar.

Pendengar memproses maklumat konteks yang diterima dalam ujaran penutur menggunakan tiga cara iaitu sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dalam konteks sebenar suatu ujaran untuk memperoleh kesan konteks yang tinggi. Manakala usaha memproses adalah usaha pendengar untuk memproses maklumat. Semakin rendah atau mudah usaha memproses maklumat, maka semakin relevan sesuatu ujaran dan demikian juga sebaliknya.

Bahasa figuratif pula menurut *Kamus Dewan* (2021: 410) didefinisikan sebagai makna yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, bersifat kiasan atau lambang. Bahasa figuratif berfungsi sebagai cara untuk memberi pengajaran dan nasihat agar lebih mudah diterima. Hal ini kerana bahasa figuratif berupaya memberikan kesan yang mendalam terhadap sesuatu ujaran atau teks menerusi makna secara tidak langsung (Jaafar Jambi & Norliah Abdullah 2015: 85). Kiasan adalah bahasa figuratif yang menggunakan bahasa istimewa terhadap frasa-frasa atau ayat-ayat yang tidak berkaitan langsung tetapi mengandungi makna tersirat di sebaliknya frasa dan ayat tersebut. Pembaca atau pendengar tidak dapat memahami makna kiasan secara literal semata-mata, sebaliknya imaginasi yang tinggi diperlukan untuk memahami makna sebenar kiasan (Jaafar Jambi & Norliah Abdullah 2015: 89-90).

Bahasa kiasan dalam *Kamus Dewan* (2021: 107) merujuk kepada perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (1993) mentakrifkan bahasa kiasan sebagai ungkapan-ungkapan yang maknanya tidak boleh diketahui daripada makna perkataan itu sendiri ataupun daripada susunan tatabahasanya. Makna bahasa kiasan hanya boleh diketahui oleh orang yang memahami budaya penggunaan bahasa Melayu, ia tidak dapat difahami dengan melihat makna di dalam kamus.

Manakala dalam bahasa Arab pula unsur figuratif disebut sebagai *majāzi* (Nasimah Abdullah et al. 2021: 509). Makna *majāzi* merujuk kepada makna kiasan (Gamal Abd Nasir et al. 2020: 23). *Majāz* merupakan salah satu cabang dalam ilmu *bayān* dalam ilmu *balaghah* Arab. *Majāz* ialah perkataan atau ungkapan yang digunakan bukan mengikut pengertian asalnya dalam komunikasi kerana kaitan tertentu yang mempunyai konteks atau mengikut kewajarannya yang menghalang daripada maksud asalnya (Abdul Wahid et al. 2021: 3).

Terjemahan gaya bahasa figuratif antara dua bahasa seringkali menjadi cabaran kepada penterjemah disebabkan oleh faktor perbezaan dari aspek linguistik dan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Lubna et al. 2019: 268). Oleh itu, pendekatan yang bersesuaian diperlukan untuk menangani kesukaran dalam menterjemahkan makna tersirat dalam bahasa figuratif.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini meliputi dua aspek utama, iaitu: i) kajian-kajian mengenai penerapan teori relevans terhadap terjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu merangkumi sejumlah tujuh (7) buah artikel berkaitan dan ii) penerapan teori relevans terhadap bahasa figuratif dalam karya sastera Melayu merangkumi sebelas (11) artikel berkaitan.

Penerapan Teori Relevans Terhadap Terjemahan Bahasa Figuratif Arab-Melayu

Muhammad Fauzi (2002) telah membincangkan konsep masa Arab-Melayu berdasarkan ilmu pragmatik iaitu menggunakan teori relevans. Hal ini kerana ketepatan masa orang Melayu tidak menentu disebabkan ketidaktentuan masa dalam budaya Melayu. Makna sebenar ujaran orang Melayu dapat dikenal pasti berdasarkan konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat menerusi pendekatan teori relevans. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1

Data	Makna Linguistik
Jali: Bila engkau nak pergi menoreh? Samad: Sebelum fajar menyingsing	<i>Al-Fajr</i> : Tamatnya waktu malam kerana munculnya cahaya Subuh.
Analisis Teori Relevans	
Kod	Inferens Andaian
Sebelum fajar menyingsing	Awal pagi 1. Betul-betul sebelum waktu subuh. 2. Sebelum terbit Fajar Sadiq. 3. Sebelum ayam berkokok. 4. Awal pagi iaitu dinihari (selepas tengah malam).

Berdasarkan budaya Melayu, 'sebelum fajar menyingsing' mengandungi makna implisit, iaitu menunjukkan waktu yang terlalu awal iaitu sebelum Subuh. Penentuan waktu sebenar adalah bergantung kepada konteks. Andaian (3) berkemungkinan benar sekiranya waktu kebiasaan menoreh getah dibuat sebelum ayam berkokok dan andaian (4) adalah paling relevan berdasarkan maklumat pokok getah banyak mengeluarkan hasilnya pada waktu dinihari. Maka, kerja menoreh getah akan dimulakan pada awal pagi iaitu dinihari (Muhammad Fauzi 2002: 160).

Muhammad Fauzi (2004) juga telah melakukan kajian terhadap penterjemahan simpulan bahasa Arab-Melayu dengan menggunakan teori relevans. Kajian mendapati teori relevans amat sesuai digunakan dalam penterjemahan bahasa figuratif seperti simpulan bahasa. Hasil terjemahan didapati berupaya mengekalkan ciri asal malah makna sebenar juga dapat diketahui apabila teori relevans digunakan. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 2

Data	Makna Linguistik	
Nampaknya, syaitan-syaitan angin itu terlepas dari kekangannya	Syaitan: Makhluk halus yang jahat membuat	(menggalakkan manusia kejahatan)
Analisis Teori Relevans	Angin: Udara yang bergerak	
Kod	Inferens	Andaian
Syaitan-syaitan angina	Angin yang kuat	1) Syaitan yang bertugas membawa angin. 2) Syaitan yang berbentuk angin. 3) Angin deras (puting beliung)

Frasa 'syaitan-syaitan angin' adalah terjemahan langsung terhadap frasa '*syayatin al-riyah*'. Ia merupakan simpulan bahasa yang mengandungi makna tersirat. Berdasarkan analisis teori relevans, andaian (1) dan andaian (2) adalah sukar diproses dan lemah. Oleh itu, andaian (3) adalah paling relevan sebagai interpretasi sebenar yang dimaksudkan oleh simpulan bahasa tersebut. Syaitan-syaitan angin adalah merujuk kepada angin deras (puting beliung) (Muhammad Fauzi 2004: 145-146).

Muhammad Fauzi (2016) telah menerapkan teori relevans dalam penterjemahan bahasa figuratif dalam novel sastera bertajuk *Masrur wa Makrur* terjemahan oleh Nahmar Jamil. Kajian mengetengahkan bahasa figuratif yang mengandungi dua konsep makna iaitu makna eksplisit dan makna implisit. Hasil kajian mendapati teknik terjemahan langsung sesuai digunakan dalam penterjemahan bahasa figuratif seperti metafora dan personifikasi. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 3

Data	Makna Linguistik	
.. Masrur kembali kepada racunnya dan meneguk lagi arak yang berwarna bunga ros ...	arak: Minuman mengandungi alkohol yang memabukkan	berwarna: mempunyai warna
Analisis Teori Relevans	bunga ros: mawar	
Kod	Inferens	Andaian
Warna bunga ros	Arak yang berkualiti	1. Warna merah menyala yang menarik perhatian orang 2. Warna merah pudar seperti bunga ros yang sudah layu 3. Warna merah pekat dan berbau harum

Berdasarkan analisis teori relevans, andaian (1) didapati paling relevan bagi menunjukkan arak yang diminum oleh Masrur adalah arak yang berkualiti kerana arak jenis terbaik adalah arak yang mempunyai warna yang menarik perhatian orang. Teknik terjemahan langsung terhadap ayat berbentuk metafora ini berjaya menonjolkan makna eksplisit dan makna implisit dalam ayat tersebut. Makna eksplisit bagi ayat metafora ini merujuk kepada perlambangan warna arak seumpama bunga ros yang mekar dan harum manakala makna implisit pula merujuk kepada warna merah menyala yang menarik perhatian orang (Muhammad Fauzi 2016: 78).

Ijlal et al. (2020) menganalisis makna sebenar simbol dalam *sajak Di Hadapan al-Quran* karya Kemala dengan menggunakan teori relevans. Penggunaan teori relevans membolehkan makna sebenar simbol diinterpretasikan dengan lebih baik. Penggunaan kaedah literal pula didapati bersesuaian untuk menterjemahkan istilah-istilah khusus yang berkaitan dengan simbol Islam. Teknik terjemahan ini didapati membolehkan pembaca sasaran memahami terjemahan dengan mudah serta mengekalkan ciri teks asal. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 4

Data	Makna Linguistik
Muqaddam	1). Yang terdahulu, sesuatu yang mendahului 2). Juz Amma atau juz yang ke 30 dalam al-Quran (yang dipelajari dahulu)
Analisis Teori Relevans	
Kod	Inferens
Muqaddam	Al-Quran
	Andaian
	1). Juz Amma
	2). Juzuk 30
	3). Surah al-Baqarah

Berdasarkan analisis teori relevans, simbol muqaddam difahami sebagai sesuatu yang mempunyai perkaitan dengan al-Quran. Andaian (1) dan andaian (2) didapati seakan-akan sama namun demikian, andaian (1) adalah lebih relevan berbanding andaian (2) dan andaian (3) kerana budaya Melayu menggelarkan *juz amma* sebagai muqaddam. Oleh itu, muqaddam adalah merujuk kepada *juz amma* dalam kalangan masyarakat Melayu (Ijlal et al. 2020: 13). Bagi menyesuaikan dengan masyarakat Arab, simbol muqaddam dalam sajak ini perlu diterjemah kepada جزء الثلاثين agar dapat difahami dengan baik oleh masyarakat Arab khususnya (Ijlal et al. 2020: 18).

Ijlal et al. (2020) dalam kajian terhadap antologi puisi *'Ayn* karya Kemala telah melakukan analisis terhadap kaedah penterjemahan ideogram tumbuh-tumbuhan dari bahasa Melayu ke bahasa Arab. Teori relevans digunakan untuk menginterpretasikan makna sebenar ideogram tumbuh-tumbuhan di dalam karya tersebut. Teori relevans didapati berupaya menginterpretasi makna tersirat di sebalik ideogram. Dapatan kajian menunjukkan teknik penterjemahan ideogram yang digunakan adalah bersesuaian serta tidak mengubah makna sebenar malah juga memudahkan pembaca sasaran untuk memahami teks terjemahan dengan baik. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 5

Data	Makna Linguistik	
...Rakyat pemerintah Manusia dan dunia Cabangmu, pecahan simpang-siur Bagai Hannibal mengharung gunung...	Cabang:	
	1). Bahagian yang tumbuh daripada dahan pokok	
	2). Bahagian hujung yang berpecah, bahagian kecil pada tanduk rusa, bahagian kecil sesuatu jalan atau sungai, cawangan, bahagian kecil daripada sesuatu lapangan pengetahuan, tumbuhan pokok memanjat	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Cabang	Pecahan	1). Pokok bercabang 2). Simpang siur

Berdasarkan analisis teori relevans, andaian (2) iaitu simpang siur didapati paling relevan dengan merujuk kepada baris puisi 'cabangmu, pecahan simpang-siur'. Simpang-siur menjelaskan terlalu banyak liku-liku jalan. Baris puisi ini menunjukkan makna yang dikehendaki iaitu makna tersirat bukannya makna hakiki (pokok bercabang) (Ijlal et al. 2020: 111).

Lubna et al. (2020) telah menganalisis terjemahan perkataan *al-Baseer* dalam surah al-Isra' dengan menggunakan teori relevans. Teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris oleh Abdel Haleem, Pickthall dan George Sale telah dipilih sebagai teks kajian. Kajian mendapati perkataan *al-Baseer* telah diterjemahkan secara berlainan dalam ketiga-tiga teks kajian. Terjemahan dilihat tidak berjaya mencapai kerelevanan optimum kerana pemilihan padanan di dalam bahasa sasaran didapati kurang tepat. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 6

Data	Makna Linguistik	
<i>Al-Baseer</i> بصر : Melihat البصير : Maha Melihat		
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
<i>All Seeing</i>	Penggunaan <i>All</i> bagi menunjukkan kebesaran Allah.	Kebesaran, keagungan, keseluruhan dan kesempurnaan
<i>The Seer</i>	Mempunyai penglihatan luar biasa	Mempunyai keistimewaan dan kelebihan
<i>Seeth</i>	Perbuatan melihat	Pernyataan sifat melihat

Perbandingan terhadap terjemahan *al-Baseer* dalam tiga teks terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris menunjukkan terjemahan *al-Baseer* kepada *All Seeing* merupakan

padanan terjemahan yang paling relevan serta memenuhi kehendak sebenar yang dimaksudkan dalam al-Quran. Perkataan *all* memberi andaian yang merujuk kepada kebesaran, keagungan, keseluruhan dan kesempurnaan bagi sifat melihat. Tuntasnya, makna *all* mendukung makna *seeing* dalam pengetahuan pembaca sasaran dengan ciri yang menyeluruh iaitu Maha Melihat. Oleh itu, terjemahan *al-Baseer* sebagai *All Seeing* adalah mencapai kerelevanan optimum berbanding *The Seer* dan *Seeth* (Lubna et al. 2020: 260).

Roslan et al. (2021) menggunakan teori relevans bagi menangani kesukaran dalam menterjemahkan homonim Arab- Melayu. Teori relevans diketengahkan bertujuan untuk menghasilkan padanan terjemahan yang relevan sekaligus memudahkan kefahaman bagi pembaca sasaran. Tiga elemen utama dalam teori relevans iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses diaplikasikan bagi tujuan analisis data kajian. Hasil kajian mendapati penerapan teori relevans berupaya menterjemah makna siratan yang terkandung dalam perkataan homonim Arab-Melayu. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 7

Data	Makna Linguistik	
Al-farash (الفراش)	Sejenis serangga daripada keluarga rama-rama, mempunyai banyak sayap, beraneka warna dan cantik menawan. Tumbuhan dan haiwan yang halus dan kecil Rama-rama dan kupu-kupu Anai-anai Kelekatu	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Al-farash (الفراش)	Kedahsyatan hari kiamat	1. Kupu-kupu 2. Rama-rama 3. Kelekatu 4. Anai-anai

Makna kelekatu merupakan andaian yang paling relevan berdasarkan konteks teks sumber (al-Quran) dengan budaya alam landskap di alam Melayu. Metafora kelekatu bagi menggambarkan kedahsyatan hari kiamat berdasarkan gambaran kognitif masyarakat Melayu apabila melihat kelekatu-kelekatu mati bertaburan di lantai setelah mengerumuni lampu yang panas sewaktu hujan (Roslan et al. 2015: 245).

Penerapan Teori Relevans Terhadap Bahasa Figuratif dalam Karya Sastera Melayu

Mary Fatimah (2012) menganalisis bahasa figuratif dalam karya bergenre sajak. Kajian mendapati analisis teori relevans mampu mengetengahkan maksud di sebalik baris eksplisit serta dapat menghuraikan bahasa figuratif personifikasi dalam puisi menerusi interpretasi

makna secara menyeluruh. Kajian mencungkil makna tersirat di sebalik makna literal yang terkandung dalam bahasa figuratif personifikasi menggunakan analisis teori relevans. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 8

Data	Makna Linguistik	
Dua nisan terkapar mati	Dua – (jumlah) satu dicampur (ditambah) satu (2), bilangan di antara satu dengan tiga; nisan – batu nisan; batu tanda pada kubur yang biasanya mempunyai nama, tarikh, dan sebagainya; orang yang dikebumikan; Terkapar – terbaring (tidak berketentuan); Mati – tidak bernyawa lagi; tidak hidup lagi;	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Nisan	Kematian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kematian itu telah lama berlaku 2. Nisan telah kabur dan susah dibaca 3. Nisan tidak dijaga dan dibersihkan, nisan berlumut 4. Nisan hampir rebah/senget, nisan retak 5. Sudah lama tiada orang mengunjungi pusara itu

Berdasarkan analisis teori relevans, makna yang tersirat di sebalik ‘dua nisan terkapar mati’ dapat dikesan iaitu keadaan batu nisan yang sudah berubah menjadi senget tidak seperti semasa awal jenazah dikebumikan dulu serta menggambarkan keadaan keranda yang sudah mereput serta mengandungi kesan emosi yang mendalam terhadap pemergian insan tersayang (Mary Fatimah 2012: 125).

Wong (2013) telah menganalisis teks ucapan Tunku Abdul Rahman menggunakan teori relevans. Kajian ini merupakan suatu analisis ke atas teks ucapan yang bersifat formal. Hasil kajian mendapati makna sebenar bagi ujaran implisit yang digunakan oleh Tunku Abdul Rahman dapat difahami dan diselami menerusi teori relevans. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 9

Data	Makna Linguistik
“Seperti yang kita tahu kerajaan British memerintah dengan cara dibuatkan-nya kota, kota itu dibuat kuat dalam masa mereka itu memerintah di negeri ini”	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bandar, bandar raya, metro, metropolitan, metropolis, pekan, pura 2. Adang, batas, bendungan, benteng, bidai, birai, dinding, had halangan, jerihi, jerjak, jeruji, kandang, kepungan, ke sisi, langsir,

pagar, panahan, penghalang, penolak, pemantul, perisai, pelindung, sempadan, sekatan, skrin, tabir, tembok, tirai.

Analisis Teori Relevans

Kod	Inferens	Andaian
Kota	Penghalang/ sesuatu yang memisahkan	<ol style="list-style-type: none"> 1). Dasar pecah dan perintah 2). Bandar besar yang dikelilingi benteng 3). Menjadi penghalang kepada sesama manusia 4). Batu-bata yang mengelilingi kediaman 5). Manusia

Berdasarkan konteks dalam teks sumber, andaian (1) iaitu ‘dasar pecah perintah’ adalah andaian yang paling relevan sekaligus menolak andaian lain yang tidak konsisten dengan teks sumber. Oleh itu, dapatlah dikenal pasti bahawa yang dimaksudkan dengan kota dalam teks ucapan tersebut adalah merujuk kepada dasar pecah perintah (Wong 2013: 6).

Mary Fatimah (2015) telah melakukan analisis teori relevans ke atas sajak bertajuk ‘Pelacur Tua’. Kajian ini menjurus kepada aspek bahasa figuratif iaitu personifikasi, hiperbola dan ironi. Analisis teori relevans dikesan dapat menghuraikan bahasa figuratif yang terdapat di dalam sajak secara lebih deskriptif. Hasil analisis mendapati gabungan pelbagai bahasa figuratif dalam sajak tersebut dapat difahami walaupun tersirat di sebalik makna eksplisit. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 10

Data	Makna Linguistik	
Sebuah dinding tua	Sebuah- penjodoh bilangan; dinding -penutup (penyekat) ruang, bangunan, bilik dan lain-lain yang dibuat daripada kayu, bata dan lain-lain; Tua- sudah lama; lawan baru	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Dinding	Rumah atau hotel	<ol style="list-style-type: none"> 1. Rumah usang 2. Hotel murah 3. Rumah tumpangan 4. Sarang pelacur

Berdasarkan peranan kognitif, ‘sebuah dinding tua’ adalah bersesuaian dengan andaian (1) iaitu rumah usang. Namun berdasarkan pengetahuan sedia ada, ‘sebuah dinding tua’ dapat dikaitkan sebagai hotel murah kerana hotel murah atau hotel bajet sering menjadi tempat aktiviti pelacuran berlaku. Oleh itu, andaian (2) adalah relevan serta menunjukkan bahawa pelacur tersebut adalah pelacur kelas bawahan berdasarkan tempat pelacurannya (Mary Fatimah 2015: 126).

Norhasliza & Zeckqualine (2016) pula telah mengetengahkan analisis teori relevans ke atas aspek tatabahasa iaitu makna imbuhan ter-. Kajian ini mendapati makna ayat yang diimplikasikan oleh imbuhan ter- ini dapat dikenalpasti dengan baik menerusi pendekatan pragmatik iaitu menggunakan teori relevans. Hasil kajian menunjukkan bahawa imbuhan ter- turut mengandungi makna tidak khusus iaitu makna yang tidak tetap. Makna imbuhan ter- boleh berubah-ubah mengikut konteks ayat serta tidak semestinya hanya mempunyai satu fungsi sahaja. Imbuhan ter- juga boleh berubah menjadi kata adverba yang mengandungi makna keadaan. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 11

Data	Makna Linguistik
.... sebagai rakyat biasa yang tidak mendapat pendidikan perundangan kita terasa bagaikan ada kelainan bila ketiga-tiga mereka... Analisis Teori Relevans	Gabungan imbuhan ter dan rasa Imbuhan ter-: Merujuk kepada perbuatan tidak sengaja
Kod	Inferens
Terasa	Manusia yang mempunyai rasa tidak berpuas hati
	Andaian Seperti atau macam

Penggabungan imbuhan ter- dan rasa dalam ayat ini menghasilkan makna baharu yang tidak khusus iaitu seperti atau macam. Imbuhan ter- di dalam ayat ini dapat difahami merujuk kepada manusia yang mempunyai perasaan sekaligus mampu 'terasa' berdasarkan ciri-ciri leksikal yang sama seperti bernyawa, manusia, ahli politik serta mempunyai keinginan. Imbuhan ter- pada kata 'terasa' di dalam ayat tersebut didapati boleh digantikan dengan kata seperti atau macam iaitu: sebagai rakyat biasa yang tidak mendapat pendidikan perundangan kita seperti atau macam rasa bagaikan ada kelainan bila ketiga-tiga mereka... Oleh itu, dalam konteks ayat ini makna imbuhan ter- didapati telah berubah maknanya dari perbuatan tidak sengaja kepada makna keadaan atau adverba seperti/macam (Norhasliza & Zeckqualine 2016: 157).

Norhidayu Hasan & Zaitul Azma (2017) menggunakan teori relevans bagi menganalisis makna ungkapan kiasan dalam novel *Cinta Sang Ratu*. Kajian memfokuskan bahasa kiasan iaitu simile, personifikasi dan metafora yang terdapat di dalam novel tersebut. Kajian mendapati teori relevans mampu menghuraikan makna ungkapan kiasan dengan baik serta menunjukkan konteks berperanan penting dalam pentafsiran makna ungkapan kiasan. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 12

Data	Makna Linguistik
Wajah itu bagaikan bulan purnama	Wajah- rupa paras, muka, roman muka. Itu – kata tunjuk untuk benda, hal tempat dan waktu

	Bagaikan – serupa jika dibandingkan dengan sesuatu	
	Bulan – satelit semula jadi yang mengelilingi bumi	
	Purnama – bulan penuh atau bulan yang bulat benar	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Bulan purnama	Cantik	<ol style="list-style-type: none"> 1. Wajah itu jernih 2. Wajah itu sentiasa ingin diamati 3. Wajah itu menarik

Andaian (3) adalah andaian yang paling relevan berdasarkan maklumat tambahan dalam ujaran terdahulu iaitu “Dia mula tertawan melihat kejernihan wajah Saifudin”. Perkataan “tertawan” dan “kejernihan”. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa makna sebenar bagi ungkapan “wajah itu bagaikan bulan purnama” ialah wajah itu adalah wajah menarik (Norhidayu Hasan & Zaitul Azma 2017: 38).

Hartini & Normaliza (2017) menengahkan kajian mengenai perlambangan kata kerja dalam lagu bertajuk ‘*Bebaskan*’. Lagu ini merupakan versi Bahasa Melayu bagi lagu asal yang bertajuk ‘*Let It Go*’. Teori relevans digunakan bagi menganalisis makna dan fungsi kata kerja dalam lagu tersebut. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja mengandungi kesan emosi yang boleh mempengaruhi pendengar atau pembaca lirik lagu tersebut. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 13

Data	Makna Linguistik	
Bebaskan bebaskan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak terhalang (untuk bergerak, bercakap dan lain-lain) 2. Tidak terkongkong 3. Tidak terkurung 4. Lepas, leluasa 5. Lepas daripada kewajipan 	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Bebaskan	Rayuan	Keinginan untuk melepaskan diri daripada bebanan

Penggunaan kata kerja ‘bebaskan’ dalam lirik lagu ini bukanlah seperti maksud yang terkandung dalam makna linguistik sebaliknya apabila dilihat berdasarkan konteks, ia adalah merujuk kepada makna tersirat iaitu rayuan untuk melepaskan diri daripada bebanan yang dirasai. Penggunaan kata kerja ‘bebaskan’ mengandungi kesan emosi yang ingin disampaikan oleh penutur atau subjek dalam lirik lagu ini.

Mary Fatimah (2018) dalam kajiannya telah menggunakan teori relevans bagi menganalisis gaya bahasa metafora dalam sajak Usman Awang. Kajian ini menumpukan kepada genre sajak dalam bahasa Melayu. Kajian mendapati aplikasi teori relevans dapat

membantu pemahaman makna yang sebenar. Makna dapat diinterpretasikan dengan lebih mudah dan sah menggunakan teori relevans. Kewujudan baris dan leksikal lain dikesan berperanan sebagai konsep *ad hoc* yang mengukuhkan pemahaman pendengar. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 14

Analisis Teori Relevans	
Eksplikatur: kolam-kolam derita	Bentuk logik: kolam-kolam – lubang (lekuk) di tanah yang berisi air; Derita – kesusahan (kesakitan, keseksaan) dan sebagainya
Implikatur Derita	Andaian Implikatur Perasaan
	Kesimpulan Implikatur 1. Kesusahan dan kesengsaraan dalam kehidupan 2. Keperitan dan kepayahan 3. Berhempas pulas mencari rezeki 4. Penderitaan yang tiada penghujung

Kata “kolam-kolam” adalah bersifat konkrit manakala kata “derita” pula adalah bersifat abstrak. Kata derita dalam frasa “kolam-kolam derita” mempunyai makna implisit iaitu perasaan derita yang mengandungi kesakitan, keseksaan dan kesusahan yang melebihi jangkauan. Oleh itu, andaian-andaian di atas adalah relevan bagi menggambarkan penderitaan yang sangat perit disebabkan oleh kesukaran, kesusahan dan kesengsaraan hidup yang dialami (Mary Fatimah 2018: 168-169).

Zarina & Anida (2018) pula menganalisis metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu dengan menggunakan teori relevans dan rangka rujuk silang. Kajian dilakukan untuk menghuraikan makna siratan yang terkandung dalam metafora bunga kiambang. Kajian mendapati interpretasi makna secara mendalam dapat dilakukan menerusi penggunaan teori relevans dan rangka rujuk silang. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 15

Data	Analisis Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang			
Kiambang	Kiasan	Psikologi	Sejarah	Lokasi
	Peribahasa: Hubungan yang kuat	Simbol jiwa yang tenang	Jiwa yang kental	Tumbuhan yang akar serabut- menjalar
	Falsafah Ketenangan	Sains/ Kesihatan Zat pada daun merawat penyakit	Agama Warna hijau pada daun	

Bunga kiambang dalam pantun ini adalah metafora yang merujuk kepada sifat bunga kiambang yang tidak memerlukan sokongan tumbuhan lain untuk hidup, malah mampu tumbuh

sendiri di dalam air. Bunga kiambang diibaratkan sebagai hubungan yang kuat, simbol jiwa yang kental, harmoni, damai dari persengketaan, ketenangan, kekuatan (zat yang terdapat pada daunnya boleh merawat penyakit) dan selamat (warna hijau melambangkan konteks agama). Metafora kiambang dalam pantun ini merujuk nilai yang wajar diteladani dalam kehidupan iaitu berjiwa cekal, damai, mandiri, teguh dan tenang dalam menghadapi cabaran dan dugaan dalam hidup (Zarina & Anida 2018: 15).

Julaina & Nur Maizatul Maisarah (2020) mengkaji makna ujaran implisit dalam Vlog Mat Luthfi. Ujaran berbentuk implisit ditafsirkan dengan menggunakan teori relevans bagi menjelaskan mesej tersirat yang terkandung dalam ujaran tersebut. Kajian mendapati teori relevans berupaya untuk menginterpretasi bahasa figuratif sekaligus menjelaskan makna ujaran implisit dengan berkesan. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 16

Data/ Eksplikatur	Makna Linguistik	
Jenis muka tak sembahyang	Jenis – golongan benda yang mempunyai sifat yang sama Muka – bahagian hadapan kepala (dari kaki rambut sampai ke dagu), rupa muka, wajah, paras Tak – singkatan bagi tidak (digunakan untuk menyatakan bukan) Sembahyang – perbuatan menyembah Allah, solat	
Analisis Teori Relevans		
Kod	Inferens	Andaian
Sembahyang	Sindiran kerana berjumpa bomoh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melanggar perintah Allah 2. Tidak mengamalkan fardhu ain secara sempurna 3. Orang yang jahil dan mengamalkan perbuatan syirik tidak menunaikan ibadah solat

Berdasarkan andaian-andaian berikut, andaian (3) didapati paling relevan berdasarkan maklumat tambahan dan hasil pengembangan konteks awal ujaran tersebut. Maklumat ensiklopedik menjelaskan perbuatan berjumpa bomoh untuk meminta pertolongan bagi mendapatkan apa yang dihajati adalah bercanggah dengan ajaran Islam. Ini menunjukkan lemahnya pengamalan agama oleh si pelaku (Julaina & Nur Maizatul Maisarah 2020: 214).

Maizura & Nor Hashimah (2020) menganalisis makna metafora dalam teks *Sulalat al-Salatin* dengan menggunakan pendekatan teori relevans iaitu konsep *ad hoc* dan rangka rujuk silang. Kajian bertujuan untuk menjelaskan unsur tersirat yang mengesahkan kedudukan raja dan kerajaan Melayu di dalam teks tersebut. Hasil kajian menunjukkan keabsahan kedaulatan, kemerdekaan serta pengiktirafan susur galur raja dan kerajaan Melayu menerusi mitos kegagahan Badang. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 17

Analisis Teori Relevans		
Eksplikatur: gagah dan kuat		Bentuk logik: Gagah- kuat, mempunyai tenaga, bertenaga Kuat – 1. Banyak tenaganya (dayanya), tidak lemah, bertenaga, berdaya, tegap 2. Mampu (boleh) atau sanggup membuat sesuatu
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
Kekuasan	Kuasaan	Kuasa yang disegani

Bentuk logik pada pernyataan ‘gagah dan kuat’ dalam teks jelas menunjukkan makna yang dimaksudkan. Namun, frasa ini dikukuhkan lagi menerusi interpretasi lanjut iaitu merujuk kepada konsep asal fizikal yang bermaksud kuasa yang disegani. Dalam konteks kefahaman terhadap teks, kuasa yang ada pada diri Badang telah diluaskan kepada kuasa sebuah kerajaan bernama Singa Pura (Maizura & Nor Hashimah 2020: 71).

Srikandi Saemah & Mary Fatimah (2021) menganalisis perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan teori relevans dan rangka rujuk silang. Kajian menunjukkan teori relevans dan rangka rujuk silang memudahkan pencarian makna implisit di dalam novel tersebut serta meningkatkan kefahaman dan penghayatan pembaca. Contoh analisis data adalah sebagaimana berikut:

Jadual 18

Analisis Teori Relevans		
Eksplikatur: Rimas		Bentuk logik: 1). Berasa tidak enak (tidak nyaman, tidak senang) kerana panas dan lain-lain 2). Tidak senang hati, gelisah
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
Rimas	1. Tidak suka dikongkong 2. Tidak senang hati kerana disekat pergerakan 3. Tidak selesa dikawal ketat 4. Tahu menjaga diri	Farisha tahu menjaga diri tanpa kawalan ketat daripada abangnya

Leksikal “rimas” adalah sesuatu yang bersifat perasaan. Berdasarkan leksikal ini timbul beberapa andaian mengenai perwatakan Farisha iaitu (1) dia tidak suka dikongkong, (2) dia merasa tidak senang hati kerana disekat pergerakan oleh abangnya, (3) dia tidak selesa dengan kawalan ketat oleh abangnya dan (4) Farisha tahu menjaga diri. Pengetahuan sedia ada

mengenai perwatakan remaja yang suka hidup mandiri menyerlahkan perwatakan Farisha sebagai seorang gadis yang berdikari (Srikandi Saemah & Mary Fatimah 2021: 94).

Aspek Kajian Penerapan Teori Relevans terhadap Bahasa Figuratif dalam Karya Sastera

Berikut adalah aspek kajian penerapan teori relevans terhadap bahasa figuratif dalam karya sastera berdasarkan tempoh 20 tahun bermula 2002 sehingga 2022 berdasarkan jenis bahasa figuratif dan genre karya sastera yang dikaji:

Jadual 19

Bil	Tahun	Bahasa Figuratif	Genre karya sastera
1	2002	Kata pinjaman Arab-Melayu (istilah masa)	-
2	2004	Simpulan bahasa	Novel: <i>Masrur & Makrur</i>
3	2016	Metafora dan personifikasi	Novel: <i>Masrur & Makrur</i>
4	2020	Simbol	Sajak Kemala: <i>Di Hadapan al-Quran</i>
5	2020	Ideogram	Antologi puisi Kemala: <i>Ayn</i>
6	2020	Terjemahan istilah <i>al-Baseer</i>	Al-Quran terjemahan
7	2021	Homonim Arab- Melayu	Al-Quran
8	2012	Personifikasi	Sajak Usman Awang: <i>Ke Makam Bonda</i>
9	2013	Istilah	Teks ucapan Tunku Abdul Rahman: <i>Keharmonian antara kaum</i>
10	2015	Personifikasi, hiperbola & ironi	Sajak Usman Awang: <i>Pelacur Tua</i>
11	2016	Tatabahasa (imbuhan ter-)	Surat khabar: <i>Harakah</i>
12	2017	Kiasan	Novel: <i>Cinta Sang Ratu</i>
13	2017	Perlambangan kata kerja	Lirik lagu: <i>Bebaskan</i>
14	2018	Metafora	Sajak Usman Awang: <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mata Ayah</i> 2. <i>Gadis Kecil</i> 3. <i>Perpustakaan</i> 4. <i>Guru O Guru</i> 5. <i>Kasih dan Rindu</i>
15	2018	Metafora	Pantun: <i>Bingkisan Permata</i> koleksi Harun Mat Piah: <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Bingkis pemula</i> 2. <i>Bingkis Bicara</i>

			3. <i>Bingkis Kasih</i>
			4. <i>Bingkis Penutup</i>
16	2020	Makna implisit	Vlog Mat Luthfi
17	2020	Metafora	<i>Sulalat al-Salatin</i>
18	2021	Makna implisit (perwatakan)	Novel: <i>Di Sebalik Dinara</i>

Jadual 19 menunjukkan teori relevans digunakan dalam kajian berkaitan bahasa figuratif seperti simpulan bahasa, metafora, personifikasi dan hiperbola bagi menganalisis makna sebenar yang terkandung dalam makna yang tersirat. Teori relevans digunakan bagi menangani makna tersirat dalam pelbagai jenis genre karya sastera merangkumi novel, teks formal, istilah, tatabahasa, sajak, lirik lagu, pantun dan juga vlog. Selain itu, teori relevans juga digunakan untuk mengenal pasti makna implisit. Hasil tinjauan mendapati masih kurang kajian berkaitan terjemahan bahasa kiasan Arab-Melayu menggunakan teori relevans oleh para pengkaji yang lepas.

Kesimpulan

Berdasarkan penelitian literatur terhadap kajian-kajian lepas, teori relevans dilihat berupaya untuk menangani makna figuratif dalam karya kesusasteraan. Hasil kajian ini menyalurkan maklumat mengenai kesesuaian penerapan teori relevans dalam penterjemahan Arab-Melayu. Oleh itu, dalam konteks terjemahan Arab-Melayu teori relevans didapati sesuai untuk diterapkan dalam kajian mengenai penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu. Hasil tinjauan juga mendapati teori relevans lebih kerap digunakan dalam kajian berkaitan karya sastera Melayu berbanding kajian terjemahan sastera Arab-Melayu. Justeru itu, kajian ini mencadangkan agar teori relevans diterapkan dalam kajian-kajian mengenai terjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu bagi menangani makna *majāzi* atau makna figuratif dalam karya sastera terjemahan Arab-Melayu.

Penghargaan

Penghargaan kepada Yayasan Terengganu kerana menaja penyelidikan ini menerusi Biasiswa Sultan Ismail Nasiruddin Shah.

Rujukan

- Abd Rahman, L., Ramli, S., Ahmad, H. & Mohd, R.A. (2020). Kerelevanan optimum dalam terjemahan sifat Allah dalam al-Quran ke Bahasa Inggeris. *Al-Abqari Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(1): 250-266.
- Abdul Kadir, F.R. & Zainon Hamzah, Z.A. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 6: 13-24.
- Abdul Manaf, M.F. & Ahmad, M. (2015). Perbandingan teori penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam* 8(2): 191- 210.

- Abdul Wahid Salleh, Che Mohd Zaid Yusof, Mohd Ala-uddin Othman, Mohammad Rusdi Ab Majid & Kasyfullah Abd Kadir. (2021). *Khazanah Ilmu Balaghah*. Kuala Terengganu: Dar Omar al-Mokhtar.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1993). *Kamus Peribahasa Lengkap Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah, N., Samsudin, F. & Suliman, N.F. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan *majaz al-mursal* al-Quran: Analisis terhadap hubungan musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary* 6(1): 508-522.
- Hasan, N. & Zainon Hamzah, Z.A. (2017). Kiasan dalam novel *Cinta Sang Ratu* dari sudut pragmatik. *Jurnal Kesidang* 2(1): 31-44.
- Jambi, J. & Abdullah, N. (2015). Strategi terjemahan bahasa figuratif dalam novel Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun* 5:83-104.
- Jumingan, M. F. (2002). Penterjemahan pragmatik dalam konsep masa Arab-Melayu: Satu analisis teori relevan. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities* 10(2): 153-164.
- Jumingan, M. F. (2004). Penterjemahan simpulan bahasa Arab-Melayu: Satu analisis teori relevans. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities* 12(2): 143-149.
- Lubna Abd. Rahman, Nasimah Abdullah dan Saifullah Samsudin. (2019). Ketidaktepatan dalam terjemahan kinayah al-Quran. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019*, hlm. 260-270.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans (TR) dalam personifikasi. Dlm Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*, pp: 207-223. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ali, H. & Abd Rahim, N. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “*Bebaskan*” berdasarkan teori relevans. *Journal of Business and Development* 5(1): 102-111.
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2016). Konsep teori relevans dalam penterjemahan bahasa figuratif novel *Masrur wa Makrur*. Dlm. Goh Sang Seong (Eds.). *Isu-isu dalam Terjemahan Karya Sastera*, pp. 65-83. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf, Mohd Zaki Ahmad & Mohamad Redha Mohamad. (2017). Teori penterjemahan tidak langsung dalam terjemahan Arab Melayu. *IRSYAD2017 E-Proceeding*, hlm. 465- 472.
- Nopiah, J. & Nasrong, N. (2020). Makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2): 203-230. doi:10.37052/jb20(2).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, M. & Jalaluddin, N.H. (2020). Pengabsahan mitos kegagahan Badang melalui metafora: Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa* 20(1): 49-78.
- Ramli, N & Melai, Z. (2016). Imbuan ter- dari perspektif teori relevans. *E-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities* 11(3): 145-162.
- Roslan Ali, Mary Fatimah Subet & Maheram Ahmad. (2021). Penterjemahan homonim Arab-Melayu dalam domain ketakutan: Satu analisis teori relevans. *International Conference on Language Studies (ICLS2021)*, hlm. 241-246.

- Saja @Mearaj, I., Zailani@Ahmad, S. & Ahmad, M. (2020). Terjemahan ideogram tumbuh-tumbuhan dalam antologi puisi 'Ayn ke bahasa Arab. *International Journal of West Asian Studies* 12 (1): 104-117.
- Saja @Mearaj, I., Ahmad, M. & Zailani @Ahmad, S. (2020). Analisis simbol terhadap terjemahan sajak *Di Hadapan al-Quran* karya Kemala ke dalam bahasa Arab. *Jurnal al-Anwar* 9(1): 1-22.
- Samaon, S.S & Subet, M.F. (2021). Perwatakan dan nilai dalam novel "Di Sebalik Dinara": Analisis teori relevan. *Asian People Journal* 3(1): 84-100.
- Subet, M.F. (2015). Sajak "Pelacur Tua": Analisis teori relevans. *Jurnal Bahasa* 15(1): 113-142.
- Subet, M.F. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa* 18(1): 159-188.
- Tajuddin, Z & Saruddin, A. (2018). Metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu berdasarkan teori relevans dan rangka rujuk silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 3(16): 1-17.
- Wong, S.H. (2013). Keharmonian kaum dalam ucapan Tunku Abdul Rahman: Analisis teori relevans. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* 11: 1-20.
- Zakaria, G.A.N., Abdul, A.H., & Abd Rahman, M.Z. (2020). Seni majaz dalam Bahasa Melayu: Analisis berdasarkan ilmu balaghah Arab. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11(1): 18-32.